

13/04/2001

Dr Mahathir arkitek penubuhan UIAM

HASIL kesungguhan dan tekad politik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Kerajaan Malaysia menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada 1983.

Selain mencari kecemerlangan akademi, UIAM menitikberatkan keseimbangan pembangunan dan kesepaduan personaliti yang bersedia menghadapi cabaran dunia kontemporari.

UIAM adalah satu-satunya universiti yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam sistem pembelajaran dan urusan seharian, sementara Bahasa Arab digunakan sebagai bahasa pengantar program Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan.

Penggunaan dua bahasa ini adalah sebahagian daripada misi universiti untuk mencapai peringkat antarabangsa.

Program yang diperkenalkan di UIAM menawarkan peluang unik kepada pelajar untuk cemerlang dalam bidang akademik dan pembangunan diri menerusi disiplin tegas serta pendekatan menyeluruh untuk lebih maju di bidang pembelajaran.

UIAM mendefinisikan ilmu sebagai amanah Allah yang perlu dipelajari dan diperkembangkan demi kebajikan umat manusia.

Sehubungan itu, UIAM amat menghargai mereka yang ingin mendalami bidang ilmu dan usaha murni itu dilihat sebagai ibadah.

Menggabungkan sumber ilmu daripada al-Quran dengan perkembangan sains, UIAM menyumbang kepada kekayaan intelektual dan perkembangan individu secara khusus dan masyarakat amnya.

UIAM menawarkan pelbagai program meliputi semua subjek utama dan mempunyai lebih daripada 10,654 pelajar termasuk 1,456 pelajar antarabangsa daripada 102 negara.